

<b>Headline</b>	<b>Sungai Klang jadi sumber ekonomi baharu</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>31 Oct 2018</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Selangor &amp; KL</b>	<b>Circulation</b>	<b>160,000</b>
<b>Page No</b>	<b>17</b>	<b>Readership</b>	<b>509,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>243 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 4,145</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 12,435</b>



## **Sungai Klang jadi sumber ekonomi baharu**

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor bakal menjadikan Sungai Klang sebagai salah satu sumber ekonomi baharu menerusi projek jangka panjang Selangor Maritime Gateway (SMG).

Menteri Besarnya, Amirudin Shari berkata, projek tersebut akan menjadikan konsep penjanaan semula bandar yang melibatkan industri perhotelan, perdagangan, pelancongan, perumahan serta industri perkhidmatan.

"Ia akan meliputi keluasan kawasan kira-kira 55,612 hektar sepanjang pesisir Sungai Klang dan projek ini juga dapat meningkatkan tahap kebersihan kualiti air di dalam lembangan dan rizab sungai sekurang-sekurangnya pada tahap kedua indeks kualiti air."

"Selain itu, projek ini juga secara tidak langsung dapat mengenal pasti punca-punca pencemaran, memantau serta menguatkuasakan peraturan undang-undang pelepasan sisa buangan ke dalam sungai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Selangor 2018, di Pusat Konvensyen Setia City, semalam.

Sementara itu, Amirudin turut menjelaskan kerajaan telah mengenal pasti tiga lokasi di negeri ini iaitu



Amirudin (empat, kiri) bersama Sultan Sharafuddin Idris Shah (dua, kanan), Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin (tiga, kanan) melawat ruang pameran.

Permatang Kuartz di Gombak, Pusat Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong dan Kuala Kubu Bharu untuk diwartakan sebagai Tapak Warisan Semula jadi Dunia.

"Kita juga sudah memberi persetujuan bagi ketiga-tiga lokasi berkenaan untuk diwartakan dan diik-

tiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco).

"Ketiga-tiga lokasi berkenaan akan diwartakan sebagai bandar terancang pertama dikenali sebagai 'First Garden City Of Malaya' yang dibangunkan sejak 1925," katanya.